

SUKAN KOMANWEL

17 OCT 1998

PM lahirkan rasa yakin Malaysia dipilih

1 orang hps.
Daripada
Rosli Ismail

HARARE — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, harapan Malaysia untuk dipilih menjadi tuan rumah Sukan Komanwel 1998 adalah baik kerana banyak negara Komanwel menyokong.

Perdana Menteri berkata: "Walaupun setakat ini belum ada tanda-tanda yang jelas siapa yang akan dipilih menjadi tuan rumah tetapi saya rasa peluang kita adalah baik."

Beliau berkata demikian kepada para wartawan Malaysia selepas menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Sukan Komanwel bersama beberapa orang ketua kerajaan Komanwel lain.

Turut hadir dalam mesyuarat selama sejam yang diadakan sebelum upacara pembukaan rasmi Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) ke-28 di Pusat Persidangan Antara-

bangsa Harare (HICC) ialah Perdana Menteri Australia, Bob Hawke yang negaranya sedang bersaing sengit dengan Malaysia untuk menjadi tuan rumah sukan itu.

Malaysia menawarkan Kuala Lumpur sebagai tempat diadakan sukan itu manakala Australia pula di Adelaide.

Ditanya sama ada satu laporan yang telah disiapkan oleh Jawatankuasa Khas Komanwel mengenai soal pemilihan tuan rumah sukan berkenaan menambah peluang Malaysia, Perdana Menteri berkata: "Laporan itu tidak menyatakan siapa yang harus dipilih."

Kepada satu soalan lain, Dato' Sri Dr. Mahathir mengakui kerajaan telah menghantar banyak delegasi ke merata tempat untuk mendapatkan sokongan bagi Malaysia menjadi tuan rumah Sukan Komanwel.

"Ya, kita ada menghantar beberapa delegasi untuk bertemu dan memberitahu Malaysia

mampu menjadi tuan rumah sukan itu dan Malaysia dapat mengendalikannya dengan baik."

Semalam ketika ditemui di bilik penginapannya, Perdana Menteri memberitahu beliau ada secara berjenaka membangkitkan hasrat Malaysia untuk menjadi tuan rumah sukan itu sewaktu mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Peringkat Tertinggi (I-BAG) Komanwel yang dipengeruskannya untuk menilai peranan Komanwel.

Sambil memberitahu bahawa sehingga setakat itu beliau belum mencapai kata sepakat dengan Australia (Perdana Menteri Australia juga anggota HLAG), Perdana Menteri berkata: "Saya secara berjenaka kata jika Australia tarik din kita dapat mengadakan satu persembahan kebudayaan yang baik serentak dengan sukan itu."

Menurutnya, ini kerana terdapat cadangan supaya satu pertukaran persembahan kebudayaan harus diadakan semasa sukan berkenaan.

tuanrumah

Ketika itu, Menteri Luar Dato' Abdullah Badawi yang turut ada di situ memberitahu, beliau juga ada menyatakan hasrat Malaysia kepada Encik Bob Hawke.

"Kata Encik Bob Hawke, jika Australia juga berpeluang menjadi tuan rumah, mereka juga akan berbuat demikian," kata Datuk Abdullah sebagai membayangkan bahawa Australia bertekad untuk bersaing habis-habisan untuk dipilih menjadi tuan rumah sukan berkenaan.

Semalam Setiausaha Agung Komanwel, Emeka Anyaoku telah membayangkan bahawa sebuah negara sedang membangun besar kemungkinan akan dipilih menjadi tuan rumah sukan kali ini sebagai memecah monopoli negara maju Komanwel sahaja menjadi tuan rumah.

Menurutnya, sejak sukan berkenaan diadakan hanya baru sekali berlangsung di luar negara maju Komanwel iaitu di Jamaica pada pertengahan 1960an.